NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

BERITA HARIAN

DATE: 18/ 4/ 2010

Kerajaan kaji teknologi cegah jenayah, kesesakan

BH - 18/04/2010

Firma IBM diminta bantu kesesuaian sistem di Malaysia

Mior Kamarul Shahid
di New York

MALAYSIA akan mengkaji kemungkinan menggunakan sistem teknologi baru untuk mencegah jenayah dan mengatasi masalah kesesakan jalan raya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang menyifatkan perkara itu sebagai perkembangan baik berkata, beliau akan mendapatkan butiran lanjut mengenainya dan meminta syarikat berkenaan membuat persembahan di Kuala Lumpur.

Menurut Najib pada masa ini, IBM bekerjasama rapat dengan polis di New York membantu usaha memerangi jenayah menggunakan sistem teknologi baru yang mereka bina.

Sistem itu, katanya, bukan saja dapat melaporkan sekiranya berlaku jenayah tetapi juga dapat membuat ramalan mengenai sesuatu kejadian jenayah yang akan berlaku.

Katanya, ia boleh membantu usaha mencapai matlamat Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Perdana Menteri menyatakan perkara itu kepada wartawan Malaysia selepas mengadakan perbincangan dengan tokoh perniagaan terkemuka Amerika Syarikat, di sini hari ini.

BERNAMA

NAJIB berucap pada majlis yang dianjurkan Asia Society di New York.

IBM diwakili Naib Presiden Kanan Global Business Services IBM, Frank Kern.

Terdahulu, Najib menemui Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Greenstreet Partners, Duta Steven J Green diikuti Pengerusi dan CEO News Corp, Rupert Murdoch.

Beliau juga menemui CEO AIG, Robert Benmosche dan Naib Pengerusi Goldman Sachs, J Michael Evans.

Dalam bidang pengangkutan awam, IBM juga boleh membantu membuat ramalan mengenai lokasi kesesakan jalan raya, umpamanya, dalam tempoh setengah atau sejam lebih awal.

Sistem itu boleh memberi isyarat bahawa satu kesesakan jalan raya akan berlaku dan mereka boleh memberi amaran awal kepada pihak berkuasa supaya mengambil langkah tertentu untuk mengurangkan tekanan trafik.

Mengenai pertemuan dengan Murdoch, Perdana Menteri berkata, beliau mahu mengenali tokoh perniagaan media itu.

> *"Sistem baru itu boleh membantu usaha mencapai matlamat Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)"*
>
> **Najib Razak**
> *Perdana Menteri*

Murdoch menyatakan keadaan di Malaysia sangat positif dan kemungkinan beliau akan melawat Malaysia untuk melihat kemungkinan melabur.

Dengan syarikat Goldman Sachs, beliau berkata, syarikat itu akan membuka pejabatnya di Malaysia. Syarikat itu mempunyai hubungan perniagaan dengan Maxis dan Axiata.

Najib menjelaskan tokoh perniagaan dan pemimpin industri itu menghargai hala tuju baru negara yang mereka anggap amat jelas, tepat dan dapat menyumbang kepada rasa lebih keyakinan mereka terhadap masa depan negara terutama terhadap prospek ekonomi.